

PENGETAHUAN PENTAKSIRAN DALAM KALANGAN PEMERIKSA PROJEK PENYELIDIKAN TINDAKAN GURU PELATIH PISMP: SATU SENARIO DI INSTITUSI PENDIDIKAN GURU

Lew Moi Mooi, PhD, Munira Mohsin, PhD, Masitah Taib, PhD, Chia Chiow Ming
& Shaari Osman

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan pentaksiran yang dimiliki dalam kalangan pemeriksa projek penyelidikan tindakan guru pelatih PISMP di salah sebuah institut pendidikan guru. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui isu-isu yang wujud dalam pentaksiran projek penyelidikan. Responden kajian adalah seramai 54 orang yang terdiri dalam kalangan pensyarah dari beberapa jabatan pengkhususan yang telah dilantik sebagai penyelia atau pembaca projek penyelidikan tindakan. Data dikumpul secara analisis dokumen, soal selidik dan temu bual. Kajian ini mendapati bahawa para pemeriksa memiliki pengetahuan pentaksiran yang asas tentang sistem pemarkahan analitik dan holistik. Analisis data lanjutan menunjukkan bahawa kebanyakan pemeriksa tidak mengetahui bahawa projek penyelidikan tindakan PISMP sebenarnya ditaksir melalui sistem pemarkahan analitik. Data temu bual juga menunjukkan bahawa responden kurang pendedahan tentang terminologi pentaksiran. Dapatkan kajian memberi implikasi bahawa pengetahuan pentaksiran pemeriksa projek penyelidikan perlu ditingkatkan supaya keputusan pentaksiran diberi adalah sah.

Kata Kunci: Penyelidikan Tindakan, PISM, Pentaksiran